

PERBARISAN PEGAWAI MEMERINTAH MAWILUD 1



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2857-perbarisan-pegawai-memerintah-mawilud-1

KUALA LUMPUR, 9 Jan 18 - Perbarisan Pegawai Memerintah Markas Wilayah Udara 1 (MAWILUD 1) buat pertama kalinya diadakan bagi tahun 2018 telah berlangsung di perkarangan Padang Kawad Markas. Perbarisan terdiri daripada 21 pegawai dan 70 anggota LLP yang diketuai oleh Mej Jamaludin bin Hassan TUDM manakala Pegawai Waran Perbarisan ialah PW U II Shahrizam bin Mohamad @ Endut.

Dalam perbarisan tersebut, Pegawai Memerintah MAWILUD 1, YBhg Brig Jen Dato' Hj Yazid bin Arshad TUDM turut menyempurnakan majlis pemakaian pangkat bagi 13 anggota Markas daripada pelbagai ketukangan.

Beliau juga turut mengucapkan tahniah di atas kejayaan-kejayaan MAWILUD 1 sepanjang tahun 2017. Tanpa kerjasama semua warga Markas perkara ini tidak akan berjaya dilakukan dengan jayanya.



